



KENYATAAN MEDIA
1 JANUARI 2022

TARIF ELEKTRIK DI SEMENANJUNG KEKAL MULAI 1 JANUARI 2022 HINGGA KE SATU TARikh YANG AKAN DITENTUKAN KELAK

PUTRAJAYA, 1 Jan – Kerajaan pada 31 Disember 2021 telah memutuskan untuk menangguhkan pelaksanaan *Incentive-Based Regulation* (IBR) Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi tempoh Regulatori Ketiga (*Regulatory Period 3 – RP3*). Oleh itu, pada 1 Januari 2022 kadar purata tarif asas elektrik kekal pada 39.45 sen/kWj di Semenanjung sehingga ke satu tarikh yang akan diputuskan oleh Kerajaan.

Dalam pada itu, Kerajaan turut memutuskan untuk menangguhkan pelaksanaan pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme *Imbalance Cost Pass Through (ICPT)* mulai 1 Januari 2022 sehingga ke satu tarikh yang akan ditentukan. Sehubungan itu, kadar rebat semasa sebanyak 2 sen/kWj kepada semua pengguna elektrik di Semenanjung dikekalkan untuk tempoh tersebut.

Dengan keputusan penangguhan RP3 dan ICPT ini, pengguna-pengguna di Semenanjung tidak mengalami kenaikan kadar tarif asas elektrik.

- TAMAT -

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azrina Mohammad Jais/Zairulliati Mali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azrina)/013 2183778 (Zairulliati)/018 3822545 (Harith)

Emel: azlinamj@st.gov.my/zairulliati@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.